

Semua Pihak Bertanggungjawab Jaga Kepentingan Nasional - Agong mStar Online

Mac 12, 2012

Oleh ARIFFUDDIN ISHAK

KUALA LUMPUR: Keseimbangan antara kepentingan individu dan kumpulan yang berkepentingan dalam negara merupakan elemen penting menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 selain daripada agenda transformasi ekonomi.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah, keseimbangan berkenaan dapat dicapai menerusi agenda transformasi sosio-politik yang sedang dilaksanakan kerajaan.

"Oleh itu di bawah kepimpinan kerajaan hari ini, pelbagai usaha transformasi sosio-politik telah dan sedang dilaksanakan yang antaranya termasuk penambahbaikan terhadap undang-undang dan peraturan, menambahbaik sistem pilihan raya serta memastikan hak dan kebebasan asasi rakyat berlandaskan Perlembagaan Persekutuan terjamin," titah baginda sewaktu merasmikan pembukaan mesyuarat pertama penggal kelima persidangan Parlimen ke-12 di sini, Isnin.

Titah baginda lagi, langkah kerajaan menggubal beberapa undang-undang termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 merupakan keputusan besar kerajaan untuk memperkukuhkan kebebasan sivil dan melaksanakan transformasi politik.

"Ini termasuklah memansuhkan akta-akta yang dianggap mengehendak kebebasan rakyat seperti ISA, disamping menggubal dan meminda undang-undang dan peraturan untuk menjamin keselamatan negara serta mencegah keganasan dan ekstremisme," titah baginda.

Selain itu baginda menyeru agar rakyat memperkukuhkan perpaduan nasional serta mengelakkan daripada melakukan tindakan yang boleh menjejaskan atau menggugat kedaulatan negara.

Malah Tuanku Abdul Halim menyeru agar semua pihak terutama generasi muda berusaha memahami dan menghayati sejarah kemerdekaan serta menghargai kebebasan yang dinikmati hari ini.

"Kukuhkanlah perpaduan dan elakkanlah daripada melakukan apa jua tindakan yang boleh menjejaskan atau menggugat kedaulatan negara ataupun cuba menidakan pengorbanan pejuang-pejuang kemerdekaan.

"Beta mengharapkan para pemimpin di setiap peringkat, para cendekiawan, media massa dan badan bukan kerajaan memainkan perananyang lebih berkesan dalam meningkatkan kefahaman dan penghayatan mengenai kepentingan perpaduan nasional," titah baginda.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/3/12/mstar_berita/20120312125418&sec=mstar_berita